



## PROGRAM EKO KOMUNITI #TRASHTOCASH



Program Eko Komuniti *#TrashtoCash* adalah merupakan inisiatif terbaru Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KP KT) yang diilhamkan di bawah pelaksanaan Dasar Komuniti Negara (DKomN). Program ini boleh dikategorikan di bawah kluster DKomN iaitu Kluster 2 : Kebersihan, Alam Sekitar dan Kesihatan dan Kluster 6 : Keusahawanan dan Perniagaan Sosial. Program ini telah dirasmikan sendiri oleh YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin pada 9 November 2019 bertempat di Butterworth, Pulau Pinang. Program ini juga turut dihadiri oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa.

PPR Taman Bagan Jaya merupakan siri pertama pelancaran program Eko Komuniti dan lima lagi lokasi telah dikenal pasti untuk program itu antaranya PPR Desa Mutiara, Tebrau, Johor. Seterusnya, PPR Padang Hiliran di Kuala Terengganu, Laman Budaya, Kuala Kangsar Perak, Taman Kosas, Ampang Selangor dan PPR Taman Sri Keramat, Putatan Sabah.



Di bawah D Kom N, sakretariat muafakat telah ditubuhkan di mana tiga pegawai KP KT secara sepenuh masa bertugas di pejabat sakretariat muafakat. Hal ini adalah bertujuan memimpin masyarakat untuk membudayakan mereka, harta benda mereka dan tingkatkan aktiviti, ekonomi serta gotong royong.

YB Zuraida menjelaskan bahawa sebanyak 10 buah PPR menubuhkan sekreteriat muafakat pada tahun ini manakala 20 buah lagi PPR pada tahun depan. Ini adalah Bagi menggalakkan penglibatan komuniti setempat terutamanya penduduk yang menetap di PPR dalam menjaga kebersihan awam dan mengutamakan kesihatan.

Program Eko Komuniti #TrashtoCash ini adalah untuk membantu meningkatkan kesedaran komuniti mengenai kepentingan pengasingan sampah di samping membantu menjana pendapatan sampingan dengan sampah yang dikitar semula semula.

